



# Jadilah Pengulas Sukan Berwibawa

Oleh ROSMAWATI ABDULLAH

Perhatian masyarakat kepada bidang sukan menampakkan kemajuan yang besar bermula pertengahan dekad 1980-an. Kajian menunjukkan bahawa hal yang sedemikian itu berlaku antaranya disebabkan oleh pertambahan stesen penyiaran yang berbentuk visual. Kemunculan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) yang lebih dikenali sebagai TV3, yang diperbadankan sebagai televisyen perdagangan pertama di negara ini pada 1983 dan memulakan siarannya pada 1 Jun 1984 di Lembah Klang, memberikan dimensi baharu kepada bidang sukan tanah air. Dari semasa ke semasa, saluran penyiaran itu yang aktif dengan tema "Berita Terkini Hiburan Sensasi", menggiatkan perhatiannya kepada bidang sukan bermula dengan permainan bola sepak dan badminton.

Kemunculan stesen televisyen tersebut menjadi saingan yang hebat kepada dua saluran televisyen, iaitu TV1 dan TV2 yang dimiliki oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Dalam konteks perhatian kepada bidang sukan, saluran TV3 lebih dominan berbanding dengan kedua-dua saluran televisyen RTM yang lebih banyak memberikan fokus kepada isu pembangunan taraf hidup rakyat selaras dengan sifatnya sebagai sebuah badan penyiaran yang dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya. Maka, bagi generasi muda pada waktu itu, TV3 lebih melekat di hati mereka apatah lagi banyak siaran langsung dilakukan kepada beberapa jenis permainan. Kecenderungan yang sama didapati turut berlaku dalam kalangan orang dewasa yang jiwanya terarah kepada bidang sukan tanah air.

Wilayah perhatian masyarakat kepada bidang sukan semakin bertambah saiznya dengan kemunculan stesen televisyen satelit (Astro). Stesen televisyen yang dimiliki oleh Astro Malaysia Holdings Berhad dan memulakan operasinya pada 1 Jun 1996, menawarkan lebih banyak saluran yang memberikan tumpuan kepada bidang sukan. Melalui saluran yang terdapat dalam Astro, siaran kegiatan dan isu sukan



Semangat penonton semakin membara apabila pengulas bijak bermain dengan bahasa.

bukan hanya terhad kepada liputan sukan tempatan, malahan sukan bertaraf antarabangsa. Sehingga kini, didapati bahawa saluran sukan menjadi pilihan masyarakat pelbagai lapisan usia, keturunan, dan agama, serta pelbagai status ekonomi.

Kewujudan kesemua stesen televisyen itu dan kaitannya dengan bidang sukan di negara ini ditandai oleh penyertaan ramai pengulas. Pada zaman kegemilangan sukan di TV1 dan TV2, membawa kepada tempoh dominasi TV3, dan kemudiannya memasuki era dominasi siaran

Astro, terdapat senarai panjang pengulas sukan tanah air. Antara pengulas sukan yang sering muncul dalam konteks siaran media visual termasuklah Abdulah Hasim, Karim Mohamad, Datuk Rahim Razali, Alimi Wan Mahmud, Amran Hamid, Aziz Ibrahim, Datuk Haji Hasbullah Awang (Allahyarham), Sharkawi Jirim, Shaukei Kahar, Abu Bakar Atan, Zainal Abidin Rawop, Jasni Shafie, Richard Scully, Akhbar Sahari, Hafizal Hamad, Ahmad Shahrazad Sani, Rizal Hashim, Hakim Amir, Stanley Bernard, Tabah Syazwan Othman, Rueben Thevandran (Burn) dan Sharon Wee.

Berdasarkan kajian, didapati bahawa pengulas yang sudah lama menceburkan diri dalam bidang sukan terutamanya yang mula mencipta nama pada lingkungan waktu 1960-an hingga 1980-an seperti Datuk Rahim Razali, Abdulah Hasim, Amran Hamid, Datuk Haji Hasbullah Awang (Allahyarham), Dzulkarnain Hassan, Aziz Ibrahim, Wan Abdul Rahman Hayat (Wara), Husin Ibrahim, Jamaluddin Alias dan Baharin Tahir jauh lebih unggul dari segi seni penyampaian dalam ulasan masing-masing berbanding dengan sejumlah besar pengulas yang muncul pada dekad yang mutakhir ini. Ulasan secara langsung mereka dalam sesuatu acara sukan sama ada melalui corong radio mahupun di kaca televisyen memberikan suatu tarikan yang tersendiri.



Datuk Rahim Razali tiada duanya.

Seseorang pengulas perlu "berada di tengah-tengah situasi" sekalipun satu daripada pasukan itu merupakan pasukan yang diminatinya apatah lagi pasukan itu merupakan pasukan negerinya.

Dalam konteks perbincangan ini, kajian mendapati bahawa Datuk Rahim Razali, umpamanya memperlihatkan kesenian penggunaan frasa dan penggunaan klausa yang sangat tinggi nilainya terutama dalam ulasan selari bola sepak. Satu daripada klausa menarik dalam ulasan beliau diujarkannya pada perlawanan bola sepak pusingan akhir Piala Dunia 1986 yang berlangsung di Mexico. Perlawanan itu memabitkan saingan peringkat kumpulan dalam salah satu kumpulan yang menemukan pasukan Denmark dengan Sepanyol pada 18 Jun 1986 di Estadio La Corregidora, Santiago de Quere'taro, yang diadili oleh J. Ignacius Keizer dan disaksikan oleh kira-kira 38 500 penonton di stadium tersebut. Datuk Rahim Razali melakukan rumusan perlawanan itu dengan mengungkapkan klausa "Bermula di jalan sukar, berakhir di jalan mati".

Kata-kata berseni itu terakam pada bab pertama novel terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berjudul *Di Sini Langkah Bermula* karya Alias Ismail yang berada di



Emilio Butragueno Santos pada minit ke-43, 57, 80, dan 89, dan Andoni Goikoetxea Olasoaga pada minit ke-68. Datuk Rahim Razali mengungkap klausa

pasaran bermula pertengahan 2016. Kajian lanjut ke atas kata-kata tersebut mendapati bahawa Datuk Rahim Razali mengujarkannya bagi merumuskan kekalahan besar 1-5 pasukan Denmark di tangan pasukan Sepanyol. Didapati bahawa pasukan Denmark yang diserang dengan hebat pada awal perlawanan sebaliknya mendahului lawannya pada minit ke-33 melalui jaringan J. Olsen, namun kubu

mereka selepas itu dibedil bertubi-tubi oleh pasukan Sepanyol yang akhirnya memperoleh jaringan melalui pemain yang mendapat julukan Si Burung Herin, iaitu tersebut secara spontan mungkin kerana Denmark yang merupakan pasukan pilihan pada perlawanan itu sebaliknya mengalami kekalahan besar, apatah lagi melibatkan empat jaringan yang menarik oleh seorang pemain muda pasukan Sepanyol. Sebenarnya, sepanjang perlawanan itu, ulasan Datuk Rahim Razali dipenuhi fakta, diujarkan dengan perkataan yang tepat dan signifikan dengan konteks, serta terhindar daripada fokus yang membazir.

Sebelum itu, pada kempen bola sepak Piala Dunia 1982 di Sepanyol, Datuk Rahim Razali menjadi pengulas pilihan utama pihak penaja siaran langsung. Rizal Hashim

dalam blognya – [rizalhashim.blogspot.com](http://rizalhashim.blogspot.com) melalui artikel “Nasib Pengulas Sukan” yang ditulis pada 3 Julai 2011 menyatakan bahawa dikhabarkan pada kempen Piala Dunia 1982, Datuk Rahim Razali memperoleh bayaran kira-kira RM100 000 atas ulasan sejumlah siaran langsung yang dibawakan kepada penonton oleh RTM1 dan RTM2. Sekiranya perkara itu benar, maka wajarlah kita letakkan beliau pada tempat yang tersendiri.

Hakikat kehebatan Datuk Rahim Razali dalam bidang ulasan sukan, khususnya kegiatan sukan pada peringkat antarabangsa diakui oleh seorang komentator yang menggunakan nama pena Peminat Datuk Rahim, ketika

dalam kalangan generasi baharu itu bersedia menahuri cabaran berkenaan?

“... Sorry Saudara Rizal. I will take Dato’ Rahim did a commentary for a golf tournament on a very short notice. As for the rest, they miles of track and the latest joke was doing the Taiwan – Malay games; where they suggested that the game was going into extra time... Was it Dato’ Rahim who came up with the phrase Majulah Sukan untuk Negara?”

Apakah pengulas sukan generasi baharu di negara kita mempunyai kehebatan seperti yang dimiliki oleh Datuk Rahim Razali dalam bidang ulasan sukan bola sepak atau kehebatan ulasan Allahyarham Datuk Haji Hasbullah Awang dalam sukan badminton, sepak takraw, dan sukan akuatik? Adakah pengulas sukan generasi

baharu di negara ini sekurang-kurangnya memperlihatkan bakat dan mempunyai prospek yang jelas untuk menjadi pengulas sukan yang berkualiti? Apakah pengulas sukan harapan tersebut sesungguhnya digantungkan kepada semua pengulas sukan yang baharu, sedang, dan masih lagi berkecimpung dalam bidang berkenaan tanpa mengira usia, bangsa, jantina mahupun agama. Peminat sukan mengharapkan sesuatu yang unik daripada semua pengulas sukan supaya bukan sahaja bidang sukan menjadi lebih menarik untuk diberikan perhatian, malah supaya bidang itu turut membijakkan akal budi, meningkatkan daya intelek serta mengukuhkan jalinan ukhuwah dalam kalangan khalayaknya.

Berdasarkan tinjauan dalam kalangan masyarakat, didapati bahawa terdapat beberapa kekurangan yang

perlu diatasi oleh para pengulas sukan masa kini, antaranya termasuklah isu keadilan, pengetahuan, objektif, rasional, kritis dan patriotik. Kesemua perkara ini jika dapat diatasi, mampu menjadi nilai tambah kepada pengulas sukan mencipta nama, serta mampu menjadi legenda dalam bidang tersebut suatu hari nanti. Dalam isu keadilan, contohnya ketika mengulas sesuatu perlawanan tidak kira apa-apa jenis sukan sekalipun, amat wajar seseorang pengulas itu bersikap adil, iaitu tidak berpihak seandainya perlawanan itu melibatkan perlawanan pada peringkat kebangsaan. Seseorang pengulas perlu “berada di tengah-tengah situasi” sekalipun satu daripada pasukan itu merupakan pasukan yang diminatinya apatah lagi pasukan itu merupakan pasukan negerinya. Ulasan yang jelas berpihak akan menjejaskan kualiti prestasi pengulas sukan yang profesional, terutama sekali pengulas sukan dari negara maju.

Dari segi pengetahuan pula, seseorang pengulas yang mempunyai pengetahuan tentang subjek ulasannya sama ada latar belakang pasukan atau pihak yang bertanding. Tidak kurang pentingnya adalah dengan bersikap berpihak. Sangat baik pula sekiranya seseorang pengulas itu mempunyai pengetahuan yang lebih rinci, umpamanya peraturan permainan seperti undang-undang perlawanan hoki. Seseorang yang memiliki pengetahuan dalam perkara yang dimaksudkan tadi akan lebih dihormati oleh khalayak atau penonton. Pada masa yang sama, pengulas tersebut berpeluang meningkatkan kebestarian penonton terutama sekali kepada golongan pelajar.

Dalam konteks objektif pula, sesuatu ulasan yang padu sifatnya dipercayai akan mengelakkan penonton hilang fokus. Hal yang sedemikian itu dapat menguatkan minat penonton kerana mereka tidak berasa bosan. Mereka dapat memungut fakta dan akan terhindar daripada

terjebak dengan pembaziran pendengaran. Hal yang sedemikian itu merupakan satu daripada kekuatan yang dimiliki dan diamalkan dengan meluas oleh pengulas rasional dalam usaha melaksanakan sesuatu tugas mengulas. Dalam hubungan ini, seseorang pengulas perlu mengelakkan diri daripada mengemukakan dan memuji secara keterlaluan. Dengan perkataan yang lain, zahirkan ungkapan yang berpadanan. Sekiranya prestasi sesuatu pasukan ataupun seseorang pemain itu cemerlang dan wajar dipuji, maka zahirkanlah pujian dengan sebaik-baiknya dengan menggunakan kosa kata yang bertepatan dengan konteksnya. Jika sesuatu pasukan atau seseorang pemain itu melakukan kesilapan atau berprestasi buruk, nyatakan perkara itu dengan bertanggungjawab. Elakkan diri daripada kelihatan menjatuhkan hukuman



kepada pihak yang berkenaan. Sesuatu teguran itu pula perlu disertai cara, kaedah, atau saranan untuk mereka disusun dengan ayat yang berhemah atau dengan bahasa yang berlipik terutama pada saat yang penting.

Sebenarnya terdapat banyak perkara perlu diutamakan dengan niat yang baik. Setiap kritikan itu perlulah munasabah; bukannya sampai menjatuhkan motivasi dan keyakinan sesuatu pihak. Kemahiran ini sebenarnya memerlukan seseorang pengulas sukan menguasai ilmu bahasa dan tahu makna sesuatu kosa kata, istilah, frasa, klausa, ayat dan semantik.

Pengulas sukan seharusnya mempunyai jati diri yang kental, dan hal itu seharusnya diperlihatkan dalam ulasannya. Perkara itu biasanya perlu dilaksanakan dalam ulasan pada perlawanan atau pertandingan pada peringkat antarabangsa yang melibatkan pasukan negara kita. Seseorang pengulas mestilah mengulas dengan cara yang dapat membangkitkan semangat juang atlet negara, bukannya meragui atau merendah-rendahkan kebolehan mereka, apatah lagi melakukan cercaan. Dalam hal ini, sekiranya perlu dilakukan teguran perkara itu sewajarnya oleh para pengulas sukan. Saranan yang dirincikan tadi hanyalah sekadar sebahagian daripada perkara yang perlu diberikan perhatian. Sekali imbas, kelihatan perkara itu sukar dilaksanakan namun bak kata peribahasa “belakang parang jika diasah lama-lama akan tajam juga”. Yang paling penting, dalam konteks perbincangan ini, penguasaan bahasa merupakan teras kepada semua langkah penambahbaikan dan peningkatan kualiti sesuatu ulasan. Yakinkan bahawa anda selaku pengulas sukan mampu menghayati perkara ini. Anda berkeupayaan menjadi pengulas sukan yang baik dan sebaris dengan nama besar tadi. PB